

Rujukan Kami : UTM.J.24.00/14.15/1/31/2 ( 34 )  
Tarikh : 4 Julai 2023

**Semua Mahasiswa**

Program Pengajian Separuh Masa (UTMSPACE)  
Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Mekanikal) /  
Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal dengan Kepujian  
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal  
Universiti Teknologi Malaysia.

Saudara/i

**Peperiksaan Makmal Kejuruteraan Mekanikal, Program Pengajian Separuh Masa (UTMSPACE),  
Universiti Teknologi Malaysia - Semester III, Sesi 2022/2023**

---

Adalah dimaklumkan bahawa pelaksanaan Kursus dan Peperiksaan Makmal Kejuruteraan Mekanikal dijadualkan pada **31 Julai 2023 hingga 04 Ogos 2023**.

2. Mahasiswa yang mendaftar kursus makmal SEMM3931/SKMM3931 dan SEMM3941/SKMM3941, pada Semester III, Sesi 2022/2023 adalah diwajibkan untuk hadir di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal UTM, Skudai mengikut tarikh di atas.
3. **Pelajar yang berdaftar sahaja dibenarkan untuk menjalani Kursus dan Peperiksaan Makmal. Pelajar yang tidak mendaftar dilarang sama sekali menjalani kursus makmal.**
4. Kursus dan Peperiksaan Makmal Kejuruteraan Mekanikal merupakan salah satu syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Mekanikal)/ Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal dengan Kepujian. Kegagalan menghadiri kursus ini akan menyebabkan calon gagal untuk memenuhi syarat kredit penganugerahan.
5. Semua urusan berkaitan perjalanan dan penginapan adalah tanggungjawab pelajar dan tidak disediakan oleh pihak FKM dan **SPACE**.
6. Jadual lengkap berserta lokasi dan agihan kumpulan akan dimuatnaik ke laman web **SPACE**. Sebarang perubahan (jika ada) akan dimaklumkan kepada saudara/i melalui laman web. Pastikan saudara/i sentiasa melawati laman web (<https://studentppsm.utmspace.edu.my/?cat=77>) untuk maklumat terkini.
7. Lokasi makmal serta tempat meletak kenderaan boleh dimuat turun dari pautan berikut: (<https://drive.google.com/file/d/0B7nZQQhYLdhcYS1DbmhPWEt4UW8/view?usp=sharing>)

Untuk keterangan lanjut berkaitan pelaksanaan dan jadual sila hubungi penyelaras makmal FKM di [zarhamdy@mail.fkm.utm.my](mailto:zarhamdy@mail.fkm.utm.my)

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**DR. NATRAH BINTI KAMARUZAMAN**

Pengurus Akademik Program Luar

Fakulti Kejuruteraan Mekanikal

UTM, Johor Bahru.

☎ : 07-5534861

✉ : paplfkm@utmspace.edu.my

s.k : Prof. Madya. Ir. Dr Mohd Zarhamdy bin Md Zain (Penyelaras Makmal) - UTMSPACE FKM